


SULIT
CONFIDENTIAL



OPEN UNIVERSITY
UNIVERSITI TERBUKA
MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR
FINAL EXAMINATION

SEMESTER MEI 2004
MAY 2004 SEMESTER

KOD KURSUS <i>COURSE CODE</i>	:	OUMM 3203
---	---	------------------

NAMA KURSUS <i>COURSE TITLE</i>	:	ETIKA PROFESIONAL <i>PROFESSIONAL ETHICS</i>
---	---	--

MASA <i>TIME</i>	:	9.30 PAGI – 11.30 PAGI 9.30 A.M – 11.30 A.M
----------------------------	---	---

TARIKH <i>DATE</i>	:	28 JULAI 2004 28 JULY 2004
------------------------------	---	--------------------------------------

ARAHAN KEPADA CALON
INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. **Sila baca dengan TELITI arahan yang terdapat dalam kertas soalan ini.**
Please read CAREFULLY the instructions given in the question paper.
2. **Kertas soalan ini terdiri daripada dua versi bahasa, iaitu BAHASA MALAYSIA dan BAHASA INGGERIS. Sila jawab menggunakan salah SATU BAHASA sahaja.**
This question paper consists of MALAY and ENGLISH versions. Please answer in ONE LANGUAGE only.
3. **Kertas soalan ini dicetak di kedua-dua belah muka surat. Sila pastikan anda mendapat 9 MUKA SURAT bagi versi Bahasa Malaysia dan 9 MUKA SURAT bagi versi Bahasa Inggeris.**
This question paper is printed on both sides. Please ensure that there are 9 PAGES of questions in Malay and 9 PAGES in English.
4. **Kertas soalan ini dibahagikan kepada 2 BAHAGIAN, iaitu Bahagian A dan B.**
This question paper is divided into 2 PARTS, A and B.
5. **Sila jawab SEMUA soalan dalam bahagian A dan TIGA (3) soalan dalam Bahagian B.**
Answer ALL questions in part A and THREE (3) questions in part B.
6. **Sila hitamkan jawapan bagi Bahagian A pada borang OMR dan jawapan bagi Bahagian B pada buku jawapan yang disediakan.**
For Part A please shade your answer on the OMR form and for Part B use the answer booklet provided.

JUMLAH KESELURUHAN MUKA SURAT ADALAH SEBANYAK 18 TIDAK TERMASUK MUKA SURATINI. THERE ARE 18 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A

ARAHAN: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan Aneka Pilihan

1. Prinsip tingkah laku individu dari sudut moral yang diterima oleh masyarakat dikenali sebagai:
 - A. pengurusan gelagat pengguna
 - B. pengurusan organisasi
 - C. pengurusan etika
 - D. pengurusan sosial

2. Terdapat banyak kumpulan kakitangan profesional yang tidak membenarkan ahli-ahlinya mempraktikkan bidang masing-masing jika mereka melanggar:
 - A. etika kerjaya
 - B. etika profesional
 - C. etika komunikasi
 - D. etika undang-undang

3. Prinsip.....berpegang teguh kepada falsafah bahawa "yang penting adalah niat di sebalik sesuatu keputusan atau tindakan, kerana kita tidak dapat menjangka, serta menilai dengan tepat semua kebarangkalian hasil sesuatu keputusan atau tindakan itu".
 - A. Utilitarianisme
 - B. Universalisme
 - C. Keadilan Beragihan
 - D. Kebebasan Individu

4. Falsafah normatif adalah salah satu bidang kajian mengenai pemikiran dan perilaku, iaitu bagaimana kita sewajarnya.....
 - A. berkomunikasi
 - B. bertingkah laku
 - C. bertindak balas
 - D. bekerjasama

5. Utilitarianisme adalah salah satu teori etika dari sudut:
 - A. Teleologikal
 - B. Deontologikal
 - C. Biologikal
 - D. Psikologikal

6. Analisis ekonomi, analisis undang-undang dan analisis etika, ketiga-tiganya boleh digunakan untuk mengatasi:
 - A. masalah budaya dalam masyarakat
 - B. masalah agama dalam dunia
 - C. masalah ekonomi dalam negara
 - D. masalah etika dalam pengurusan

7. Era keusahawanan, era kemelesetan dan era sosial merupakan titik-titik perubahan dalam evolusi percambahan pemikiran mengenai:
 - A. sejarah keusahawanan
 - B. sejarah kebudayaan
 - C. sejarah peperangan
 - D. sejarah tanggungjawab sosial

8. Golongan pelajar dan aktivis telah menuduh syarikat-syarikat gergasi Amerika Syarikat seperti McDonnell Douglas dan Du Pont menggalakkan dan melanjutkan perang Vietnam untuk mendapatkan keuntungan besar. Ini merupakan satu gerakan berkaitan:
 - A. hak asasi manusia
 - B. anti kolonialisme
 - C. anti perang
 - D. anti Barat
9. Kebenaran dalam pengiklanan adalah sesuatu isu yang kompleks. Ini merupakan isu:
 - A. masalah komunikasi dalam perniagaan
 - B. masalah etika dalam pengurusan
 - C. memujuk pengguna untuk membeli
 - D. menyampaikan maklumat produk
10. "Lembu Tunai" dalam matriks perancangan *Boston Consulting Group* merujuk kepada:
 - A. penghasilan tunai yang tinggi dan keperluan pelaburan yang tinggi
 - B. penghasilan tunai yang rendah tetapi memerlukan pelaburan yang tinggi
 - C. penghasilan tunai yang rendah dan memerlukan pelaburan yang rendah
 - D. penghasilan tunai yang tinggi tetapi memerlukan pelaburan yang rendah
11. Undang-undang Islam yang dikenali sebagai.....merangkumi segenap aspek kehidupan dan pembangunan antara Pencipta dan manusia dan manusia sesama manusia.
 - A. Musyarakah
 - B. Mudharabah
 - C. Syariah
 - D. Wadiah

12. "Tanggungjawab utama kita adalah kepada pelanggan". Ini merupakan satu contoh kod etika yang terdapat dalam.....sesuatu organisasi.
- norma
 - kepercayaan
 - misi
 - matlamat
13. Tidak ada asas yang kukuh untuk mengambil tindakan disiplin terhadap peniup wisel (*whistle blower*), selagi tindakannya itu dibuat atas dasar berikut, **KECUALI**:
- dengan niat yang baik
 - dengan melaporkan salah laku tersebut dengan tepat
 - melalui jalan dan saluran yang betul
 - dengan memaksa pihak pengurusan atasan bertindak
14. Kaedah perancangan strategik yang diwujudkan oleh *General Electric* (GE) dikenali sebagai:
- Model Portfolio
 - Model SBU
 - Model Matriks
 - Model Fleksibel
15. Kesan penutupan industri, pemindahan industri ke satu lokasi baru dan pengecilan saiz industri adalah seperti berikut, **KECUALI**:
- Pekerja mengalami kerugian ekonomi
 - Pekerja kehilangan sumber mata pencarian
 - Pekerja akan bekerja dengan majikan baru
 - Pemerintahan kerajaan akan berubah

16. Antara persediaan awal majikan sebelum seseorang calon kakitangan diambil bekerja adalah seperti berikut, **KECUALI**:
- A. Mengadakan temu duga
 - B. Memperoleh laporan ujian kesihatan calon
 - C. Mendapatkan laporan daripada badan-badan kerajaan seperti polis dan cukai pendapatan
 - D. Menerima laporan pemilikan harta calon
17. Peluang pekerjaan dan peluang kenaikan pangkat yang terbuka kepada semua dengan tidak mengira jantina, bangsa, agama, usia dan budaya adalah contoh sesuatu tindakan yang:
- A. proaktif
 - B. produktif
 - C. afirmatif
 - D. berpandangan jauh
18. Kod etika merupakan pernyataan tentang:
- A. norma dan kepercayaan sesebuah organisasi
 - B. undang-undang dan peraturan sesebuah organisasi
 - C. kekuatan dan kelemahan sesebuah organisasi
 - D. piawai dan ukuran sesebuah organisasi
19. Seorang dewasa yang dihormati yang telah diringankan tanggungjawab operasinya dalam sesuatu organisasi dan ditugaskan untuk memberi nasihat kepada kakitangan lebih muda mengenai masalah kakitangan dan kerjaya, kesulitan organisasi dan isu etika dikenali sebagai:
- A. Penasihat Undang-undang
 - B. Guru Besar
 - C. "*Ombudsman*"
 - D. Kaunselor

20. Etika dalam pengurusan mewujudkan satu konflik antara:
- A. pencapaian sosial dan ekonomi sesuatu organisasi
 - B. prestasi budaya dan keagamaan sesuatu organisasi
 - C. prestasi kewangan dan pemasaran sesuatu organisasi
 - D. pencapaian status dan kekayaan sesuatu organisasi

BAHAGIAN B

ARAHAN: Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

SOALAN 1

Terdapat banyak faktor yang menyumbang ke arah pembentukan etika individu. Selain itu beberapa teori etika telah diketengahkan untuk menerangkan konsep “betul” dan “salah” berhubung dengan gelagat atau tingkah laku manusia.

- a) Apakah yang anda faham mengenai etika profesional? **[3 markah]**
- b) Nyatakan **EMPAT (4)** faktor yang membentuk etika individu. **[2 markah]**
- c) Huraikan **LIMA (5)** teori etika yang dapat menerangkan piawai moral dalam sesebuah masyarakat. **[15 markah]**
[Jumlah : 20 markah]

SOALAN 2

Masalah etika adalah juga masalah pengurusan. Ini disebabkan masalah etika merupakan satu konflik antara pencapaian ekonomi dan pencapaian sosial sesuatu organisasi. Dilema pihak pengurusan ialah untuk mencari penyelesaian terhadap masalah ini.

- a) Bagaimanakah analisis perundangan dapat membantu mengatasi masalah etika dalam pengurusan? **[5 markah]**
- b) Secara am, huraikan **LIMA (5)** rumusan yang dapat dipelajari daripada kepelbagaiannya pengurusan etika ini. **[15 markah]**
[Jumlah : 20 markah]

SOALAN 3

Dalam masyarakat demokrasi, peraturan-peraturan yang terkandung dalam undang-undang merupakan satu keputusan secara kolektif (bersama) yang telah dibuat oleh ahli-ahli dalam sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, kita sewajarnya melihat undang-

undang itu sebagai salah satu asas yang mungkin boleh dijadikan landasan untuk membuat keputusan-keputusan pengurusan apabila kita berhadapan dengan dilema etika.

- a) Apakah maksud “undang-undang itu mestilah bersifat universal”? **[2 markah]**
 - b) Huraikan **EMPAT (4)** ciri utama “undang-undang”. **[8 markah]**
 - c) Huraikan bagaimanakah proses kumpulan dan sosial itu dapat mewujudkan undang-undang. **[10 markah]**
- [Jumlah : 20 markah]**

SOALAN 4

Dalam ekonomi kapitalis, sektor swasta merupakan penyedia utama peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, tanggungjawab untuk merealisasikan hak moral terhadap guna tenaga manusia adalah terletak di tangan majikan swasta.

- a) Apakah yang anda faham dengan konsep “gaji yang sama untuk pekerjaan yang sama” dan “gaji yang sama untuk pekerjaan yang setara”? Beri contoh yang relevan untuk kedua-duanya. **[5 markah]**
 - b) Terangkan **LIMA (5)** kriteria penting dalam menilai prestasi seseorang kakitangan. **[15 markah]**
- [Jumlah : 20 markah]**

SOALAN 5

Seseorang pengurus yang berwibawa akan mengambil kakitangan yang berkebolehan untuk berkhidmat dalam perniagaannya, memastikan penamatan perkhidmatan oleh pekerjanya adalah yang rendah dan memperoleh ketaatan kakitangan yang jitu terhadap syarikat. Di samping itu juga, matlamatnya adalah untuk mengekalkan serta meningkatkan produktiviti kakitangan di mana yang perlu.

- a) Apakah yang anda faham dengan konsep ketaatan seseorang kakitangan terhadap majikannya?

[5 markah]

- b) Terangkan dengan jelas perbezaan antara tindakan afirmatif dan layanan terpilih dalam konteks pengambilan pekerja.

[5 markah]

- c) Apakah **LIMA (5)** perkara-perkara yang perlu dikenal pasti sebelum “*internal whistle blowing*” dibenarkan?

[10 markah]

[Jumlah : 20 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT DI SINI